

**KENYATAAN MEDIA**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Wilayah Persekutuan)

PENURUNAN KADAR FI LESEN GIMNASIUM DI KUALA LUMPUR**3 MAC 2026**

1. Kerajaan melalui Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersetuju dengan ketetapan kadar baharu lesen operasi gimnasium sebanyak RM10/meter per segi berkuatkuasa Januari 2026. Kadar baharu ini adalah penambahbaikan yang signifikan berbanding kadar lama sebanyak RM50/meter per segi, iaitu kadar semasa untuk pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan termasuk aktiviti aerobik di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016.
2. Isu berhubung kadar lesen operasi gimnasium yang terlalu tinggi telah sekian lama diperjuangkan oleh Persatuan Pengusaha Gimnasium Malaysia. Penurunan kadar ini mencerminkan pengiktirafan terhadap peranan gimnasium sebagai pelengkap yang penting kepada aktiviti sukan di Kuala Lumpur, baik untuk orang awam mahupun atlet prestasi tinggi.
3. Kerajaan MADANI melihat kesihatan rakyat sebagai pelaburan jangka panjang kepada kesejahteraan negara. Penurunan kadar lesen gimnasium di Kuala Lumpur adalah langkah strategik untuk merendahkan kos operasi pengusaha, seterusnya memastikan yuran gimnasium kekal berpatutan dan dapat diakses oleh lebih ramai warga bandar tanpa mengira latar belakang pendapatan. Pejabat Menteri juga dalam perbincangan bersama Persatuan Pengusaha Gimnasium Malaysia untuk turut mengumumkan iniaistif penggunaan percuma kepada warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU).
4. Langkah ini selaras dengan usaha kerajaan memupuk budaya hidup aktif, khususnya apabila data Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) menunjukkan 50.1 peratus orang dewasa Malaysia berada dalam kategori berlebihan berat badan atau obes.
5. Dasar ini selari dengan usaha membentuk bandar yang lebih sihat dan berfungsi. Apabila kemudahan kecergasan tersedia berhampiran pusat pekerjaan, rakyat boleh memilih untuk bersenam selepas waktu kerja, memanfaatkan masa dengan aktiviti sihat sambil mengurangkan tekanan trafik pada waktu puncak. Ini adalah pendekatan menyeluruh yang menggabungkan kesihatan awam, kesejahteraan mental dan kelancaran pergerakan bandar.
6. Dalam jangka masa panjang, diharapkan supaya pihak berkuasa tempatan di seluruh negara turut mencontohi inisiatif ini bagi mengiktiraf gimnasium sebagai premis menjalankan aktiviti sukan kecergasan yang diwartakan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997. Sebagai perbandingan, kadar fi bagi operasi gimnasium di Perbadanan Putrajaya (PPJ) adalah RM5 untuk satu (1) meter persegi setahun, manakala di Perbadanan Labuan kadar semasa adalah RM25 se meter persegi setahun.
7. Kerajaan berharap langkah ini akan terus mengukuhkan kerjasama antara kerajaan, DBKL dan pemain industri kecergasan demi membina masyarakat bandar yang lebih sihat dan sejahtera.

HANNAH YEOH
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

